

Analisis Aktiviti Pengajian Keagamaan di Institusi Masjid-masjid Negeri Melaka

[Analysis of Religious Studies Activities in institutions Mosques of Malacca]

BITARA

Volume 3, Issue 1, 2020: 119-129
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Mohamamad Najib Md Norani¹ & Wahyu Hidayat Abdullah¹

Abstrak

Pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu Islam di institusi masjid telah wujud sejak di zaman Nabi Muhammad SAW dan para sahabat RA lagi. Di era kecemerlangan Islam, institusi masjid terus menjadi pusat pengajian ilmu-ilmu Islam dan penyebaran ilmu. Aktiviti keagamaan di institusi masjid-masjid negeri Melaka telah berkembang pesat pada hari ini sejak agama Islam bertapak lagi. Lebih (95%) institusi masjid-masjid di sini mempunyai tenaga pengajar dari kalangan guru-guru takmir yang bertauliah di samping itu juga kehadiran penceramah-penceramah dari luar negeri Melaka lebih merencanakan aktiviti keagamaan di negeri ini. Kertas kerja ini akan mengenal pasti aktiviti pengajian yang dijalankan di daerah Alor Gajah, Melaka. Dengan menggunakan analisis data kertas kerja ini turut menganalisis aktiviti pengajian yang utama telah dijalankan di institusi masjid di daerah ini. Dapat dirumuskan bahawa, pengajian keagamaan di institusi di daerah Alor Gajah dilaksanakan dengan tersusun dengan baik bagi meraikan masyarakat Islam di daerah ini.

Kata Kunci

Pengajian Keagamaan Institusi Masjid; Daerah Alor Gajah; Guru Takmir

Abstract

Teaching and learning Islamic knowledge at the mosque has existed since the time of Prophet Muhammad and his companions. In the era of Islamic excellence, mosque continues to be a center of study Islamic knowledge and the dissemination of knowledge. Religious activities in mosques institutions Melaka has been growing rapidly in today since Islam a foothold again. More (95%) institutions mosques here have trainers from among teachers takmir certified in addition also the presence of speakers from abroad boost Melaka more religious activity in the country. This paper will identify the activities carried out in the area of study Alor Gajah, Melaka. By using data analysis, this paper also analyzes the main learning activities have been carried out in the mosque in this area. It can be concluded that, in the institution of religious learning in the Alor Gajah district implemented well organized to celebrate the Muslim community in this area.

Keywords:

Mosque Religious Studies Institute; Alor Gajah District; Guru Takmir

Cite This Article:

Mohamamad Najib Md Norani & Wahyu Hidayat Abdullah. 2020. Analisis aktiviti pengajian keagamaan di institusi masjid-masjid Negeri Melaka. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1): 119-129.

¹ Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Corresponding Author:

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak. MALAYSIA. E-mail: wahyu@fsk.upsi.edu.my

Pengenalan

Pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu Islam di masjid telah wujud sejak zaman Nabi Muhammad SAW. dan para sahabat lagi. Masjid al-Nabawi di Madinah al-Munawwarah merupakan masjid yang pertama menjadi institusi penyebaran ilmu. Di dalam zaman kecemerlangan Islam, masjid terus menjadi pusat pengajian ilmu-ilmu Islam dan penyebaran ilmu. Kebanyakan masjid, ilmu-ilmu Islam disampaikan secara kuliah dan halaqah. Sejarah telah merekodkan bahawa Rasulullah SAW memainkan peranan sebagai guru mengajar di rumahnya (Haykal 1976).

Setelah berpindah ke kota Madinah al-Munawwarah, baginda SAW dengan pertolongan daripada para sahabat RA telah berjaya membina sebuah masjid di Madinah yang dikenali hingga ke hari ini dengan nama Masjid al-Nabawi. Inilah institusi penyebaran ilmu Islam yang pertama ditadbirkan secara formal untuk orang Islam (Shalabi 1981). Di masjid ini, baginda SAW mengajar para sahabat RA setiap hari mengenai ilmu-ilmu Islam yang termasuk hukum hakam, akidah dan sebagainya. Manakala bagi kaum wanita Rasulullah SAW telah berjumpa dengan mereka seminggu sekali, iaitu pada hari Jumaat (Kinany 1980).

Sistem pendidikan zaman Rasulullah telah diwarisi oleh para sahabat dan seterusnya diperkembangkan mengikut zaman berdasarkan kecekapan dan kreativiti pemerintahan khalifah masing-masing. Zaman Khulafa' al-Rasyidin dipimpin oleh empat orang sahabat Rasulullah iaitu Abu Bakar al-Siddiq, 'Umar al-Khattab, 'Uthman bin 'Affan dan 'Ali bin Abi Talib. Menurut Zawawi (1984), para Khulafa' al-Rasyidin ialah orang-orang yang mewarisi risalah Rasulullah SAW. Mereka menyambung usaha-usaha yang telah diatur dan disusun oleh baginda dengan mengikut segala jejak langkah yang telah ditunjuk baginda semasa hidupnya (Zawawi Ahmad 1984).

Menurut Mahayudin (1993) pula, sistem pendidikan pada zaman Khulafa' al-Rasyidin telah berkembang dengan baik. Ia memberi nafas baru bagi menyambung tradisi sistem pendidikan yang telah dilaksanakan pada zaman Nabi Muhammad SAW. Pada zaman baginda, negara Islam berkembang meliputi Semenanjung Tanah Arab. Pendidikan hanya berpusat di kota Madinah tetapi perkembangan pendidikan semakin meluas dan berkembang pesat pada zaman Khulafa' al-Rasyidin. Pusat pendidikan tersebar di bandar besar seperti bandar Madinah dan Makkah, Basrah dan Kufah, Damsyik dan Palestin dan Madrasah Fustat.

Aktiviti Keagamaan di Masjid-masjid Sekitar Negeri Melaka

Aktiviti keagamaan bermula sejak Islam sampai di Tanah Melayu iaitu pada zaman kesultanan Melaka. Selain daripada istana, masjid juga adalah salah satu institusi yang menjadi pusat pengajian ilmu-ilmu Islam (Hall 1968). Sehingga ke hari ini masjid memainkan peranan penting di seluruh tanah air sebagai pusat pengajian Islam atau pusat pendidikan Islam. Maka, di sinilah bermulanya aktiviti-aktiviti keagamaan seperti kuliah-kuliah agama dan perkembangan ilmu-ilmu Islam khususnya ilmu Hadith.

Aktiviti keagamaan di masjid-masjid negeri Melaka berkembang pesat. Berdasarkan temu bual bersama pegawai takmir negeri Melaka, lebih 95% masjid-masjid di sini mempunyai tenaga pengajar dari kalangan guru-guru takmir yang bertauliah di samping itu juga kehadiran

penceramah-penceramah dari luar negeri Melaka lebih merancakkan aktiviti keagamaan di negeri ini. Manakala bilangan guru takmir negeri Melaka ialah seramai 160 orang dan bilangan masjid pula ialah sebanyak 194 buah (Mohammad Hazmi 2018).

Antara aktiviti keagamaan yang mendapat perhatian masyarakat Islam di negeri Melaka ialah aktiviti kuliah dan ceramah agama. Kebanyakan masjid di sini mengadakan pelbagai aktiviti kuliah atau ceramah agama. Kebiasaannya kategori pengajaran adalah berdasarkan waktu ibadat solat dan sambutan hari kebesaraan Islam, sebagai contoh, kuliah subuh, kuliah dhuha, kuliah zohor, kuliah maghrib, kuliah takmir, kuliah bulanan dan ceramah umum. Berdasarkan kajian, nama-nama kuliah tersebut dapat didefinisikan seperti berikut;

- a. Kuliah Subuh: Dinamakan dengan Kuliah subuh kerana ia dijalankan pada waktu Subuh selepas selesai solat Subuh. Tempoh masa kuliah subuh ialah antara 45 minit hingga 1 jam bagi satu sesi kuliah. Kebiasaannya tajuk yang dibicarakan ialah berkaitan dengan tasawuf dan hadith-hadith yang berkaitan dengan pembentukan sahsiah diri.
- b. Kuliah Dhuha: Ia dinamakan dengan kuliah Dhuha kerana sesi pengajian ini dijalankan pada waktu pagi atau dijalankan pada waktu Dhuha di antara jam 8 pagi hingga ke 11 pagi. Tempoh masa kuliah Dhuha ialah antara 1 jam hingga 1.30 jam bagi satu sesi kuliah. Tajuk yang dibicarakan ialah berkaitan dengan feqh dan hadith-hadith yang berkaitan dengan pembentukan syakhsiah diri. Kebiasaannya kuliah Dhuha ini dikhususkan kepada muslimat.
- c. Kuliah Zohor: Kuliah Zohor pula dinamakan kerana ia dijalankan pada waktu tengahari. Tempoh masa kuliah Zohor ialah antara 1 jam sebelum masuk waktu Zohor bagi satu sesi kuliah. Tajuk yang dibicarakan ialah berkaitan dengan isu semasa yang berkaitan dengan hal ehwal dunia Islam. Kebiasaannya kuliah Zohor ini dihadiri oleh ahli kariah dan jemaah yang hadir untuk solat Zohor.
- d. Kuliah Maghrib: Kuliah Maghrib dijalankan pada waktu malam. Tempoh masa kuliah Maghrib ialah selepas solat Maghrib berjemaah antara waktu Maghrib dan Isya' bagi satu sesi kuliah. Tajuk yang dibicarakan ialah berkaitan dengan sirah, feqh, aqidah, tafsir dan hadith. Kebiasaannya tenaga pengajar kuliah Maghrib akan menggunakan kitab khusus bagi setiap mata pelajaran. Antara kitab yang digunakan ialah Sirah Ibnu Hisyam, Sairus Salikin, Risalah Tauhid, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dan Hadith 40.
- e. Kuliah Takmir: Kuliah Takmir tidak jauh beza dengan kuliah Maghrib. Namun pengajian Takmir lebih kepada pengajian menggunakan kitab seperti pengajian di pondok dan universiti. Tenaga pengajar dan ahli jemaah masing-masing mempunyai kitab pengajian ketika sesi kuliah dijalankan. Ia dijalankan pada waktu malam. Tempoh masa kuliah Takmir ialah selepas solat Maghrib berjemaah antara waktu Maghrib dan Isya' bagi satu sesi kuliah. Tajuk yang dibicarakan ialah berkaitan dengan tasawwuf, feqh, aqidah, tafsir dan hadith. Kebiasaannya tenaga pengajar kuliah Takmir juga akan menggunakan kitab khusus bagi setiap mata pelajaran. Antara kitab yang digunakan ialah Syarah al-Hikam, Sairus Salikin, Risalah Tauhid, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, Hadith 40, Hadith Qudsi dan lain-lain. Bilangan guru takmir negeri Melaka adalah sebanyak 161 orang (Mohammad Hazmi 2018). Pengajian takmir yang dijalankan di masjid merupakan kelas pengajian agama dalam pelbagai bidang dengan tumpuan lima aspek penting iaitu tauhid, fikah, tasawuf, hadith dan tafsir. Kelas tersebut hanya diadakan pada waktu Maghrib

- sahaja dan dikendalikan oleh guru-guru agama bertauliah yang dilantik oleh Jabatan Mufti Negeri Melaka di bawah kendalian Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) untuk mengajar di masjid atau di surau seluruh negeri Melaka. Setiap guru takmir akan dibayar elaun oleh Jabatan Kefahaman Islam Malaysia (JAKIM) selama kontrak masih berjalan.
- f. Pengajian Bukan Takmir: Pengajian bukan takmir yang dijalankan di masjid juga merupakan kelas pengajian agama dalam pelbagai bidang dengan tumpuan lima aspek penting iaitu tauhid, fikah, tasawuf, hadith dan tafsir. Kelas tersebut biasanya diadakan pada waktu Maghrib dan selain waktu Maghrib yang dikendalikan oleh guru-guru agama yang tidak mempunyai tauliah atau mereka yang mempunyai tauliah tetapi tidak memohon sebagai guru takmir. Penceramah atau tenaga pengajar ini dijemput oleh pihak pengurusan masjid tempat penceramah itu menyampaikan ceramah. Setiap penceramah atau tenaga pengajar akan dibayar suguhati oleh pihak pengurusan masjid selama kontrak masih berjalan. Kelas-kelas takmir yang dijalankan di masjid merupakan satu usaha berterusan ke arah mengembangkan Islam kepada masyarakat umum di negeri Melaka dan merubah sikap masyarakat dalam menghayati Islam secara syumul untuk mencapai kebajikan dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.
- g. Ceramah Bulanan: Ceramah bulanan dijalankan sekali dalam satu bulan. Tempoh masa ceramah bulanan ialah antara 1 jam hingga 1.30 minit selepas solat Maghrib berjemaah. Tajuknya bebas dan topik yang dibicarakan ialah berkaitan dengan isu semasa yang berkaitan dengan hal ehwal dunia Islam. Kebiasaannya penceramah yang dijemput adalah dari luar kariah atau luar negeri Melaka.
- h. Ceramah Umum Hari Kebesaran Islam: Dalam ceramah umum, isu-isu yang diketengahkan adalah berkaitan dengan hari kebesaran Islam amatlah menarik minat sesiapa sahaja yang mendengarnya terutama isu semasa. Antara hari kebesaran Islam yang menjadi tajuk ceramah ini ialah Awal Muharam, Maulidur Rasul, Israk Mikraj, Awal Ramadhan, Nuzul al-Quran dan Hari Raya Idul Adha (Ibadah Qurban). Penceramah-penceramah yang dijemput pula terdiri daripada pelbagai latar belakang pengajian. Ada dalam kalangan mereka merupakan penceramah selebriti, mudir sekolah pondok (Shafie Abu Bakar 1984), kumpulan tarekat dan *haba'ib*, ahli akademik lulusan universiti dari dalam dan luar negara. Kehadiran pendengar pula melebihi bilangan pendengar kuliah-kuliah biasa. Sehingga ruangan solat semuanya dipenuhi para pendengar dan ada kala pihak pengurusan masjid terpaksa menyediakan khemah di luar bangunan masjid bagi menempatkan para pendengar yang ramai itu.

Aktiviti Keagamaan di Masjid-masjid Seluruh Negeri Melaka

Sejarah telah merekodkan agama Islam sampai di Tanah Melayu. Bermula pada zaman kesultanan Melaka, selain daripada istana, maka masjid juga menjadi pusat pengajian ilmu-ilmu Islam (Hall 1968). Sehingga ke hari ini masjid memainkan peranan penting di seluruh tanah air sebagai pusat pengajian Islam atau pusat pendidikan Islam. Di sinilah bermulanya aktiviti kuliah-kuliah agama dan perkembangan ilmu-ilmu Islam. Melaka mempunyai sebanyak 194 buah masjid dalam tiga daerah (Mohammad Hazmi 2018). Daerah Alor Gajah mempunyai sebanyak 77 buah masjid, daerah Melaka Tengah pula mempunyai sebanyak 76 buah masjid

dan daerah Jasin mempunyai sebanyak 41 buah masjid. Berikut adalah jadual bilangan masjid-masjid di Daerah Negeri Melaka:

Jadual 1 Bilangan Masjid-Masjid di Daerah Negeri Melaka

Daerah	Bilangan	Peratusan
Alor Gajah	77	39.7%
Melaka Tengah	76	39.2%
Jasin	41	21.1%
Jumlah	194	100%

Setiap masjid di negeri Melaka dibahagikan kepada enam buah parlimen iaitu parlimen Masjid Tanah, parlimen Alor Gajah, parlimen Tangga Batu, parlimen Bukit Katil, parlimen Kota Melaka dan parlimen Jasin.

Masjid di Parlimen Masjid Tanah, Negeri Melaka

Parlimen Masjid Tanah mempunyai sebanyak 39 buah masjid yang terletak di lima Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu yang pertama DUN Kuala Linggi 9 buah masjid (23.1%), kedua DUN Tanjung Bidara sebanyak 6 buah masjid (15.1%), ketiga DUN Air Limau sebanyak 9 buah masjid (23.1%), keempat DUN Lendu sebanyak 7 buah masjid (17.9%) dan kelima DUN Taboh Naning sebanyak 8 buah masjid (20.5%).

Jadual 2 Masjid di Parlimen Masjid Tanah, Negeri Melaka

Dun	Bilangan	Peratusan
Dun Kuala Linggi	9	23.1%
DUN Tanjung Bidara	6	15.1%
DUN Air Limau	9	23.1%
DUN Lendu	7	17.9%
DUN Taboh Naning	8	20.5%
Jumlah	39	100%

Masjid di Parlimen Alor Gajah, Negeri Melaka

Parlimen kedua adalah Alor Gajah, mempunyai sebanyak 33 buah masjid yang terletak di lima Dewan Undangan Negeri (DUN). Pertama DUN Rembia 5 buah masjid (15.2%), kedua DUN Gadek sebanyak 7 buah masjid (21.2%), ketiga DUN Machap sebanyak 7 buah masjid (21.2%), keempat DUN Durian Tunggal sebanyak 7 buah masjid (21.2%) dan kelima DUN Asahan sebanyak 8 buah masjid (21.2%).

Jadual 3 Masjid di Alor Gajah, Negeri Melaka

Dun	Bilangan	Peratusan
DUN Rembia	5	15.2%
DUN Gadek	7	21.2%
DUN Machap	7	21.2%
DUN Durian Tunggal	7	21.2%
DUN Asahan	8	21.2%
Jumlah	33	100%

Masjid di Parlimen Tangga Batu, Negeri Melaka

Parlimen ketiga pula adalah Tangga Batu, mempunyai sebanyak 28 buah masjid yang terletak di empat Dewan Undangan Negeri (DUN). Pertama DUN Sungai Udang 4 buah masjid (14.3%), kedua DUN Pantai Kundor sebanyak 9 buah masjid (32.1%), ketiga DUN Paya Rumput sebanyak 9 buah masjid (32.1%) dan keempat DUN Klebang sebanyak 6 buah masjid (21.4%).

Jadual 4 Masjid di Parlimen Masjid Tanah, Negeri Melaka

Dun	Bilangan	Peratusan
DUN Sungai Udang	4	14.3%
DUN Pantai Kundor	9	32.1%
DUN Paya Rumput	9	32.1%
DUN Klebang	6	21.4%
Jumlah	28	100%

Masjid di Parlimen Bukit Katil, Negeri Melaka

Parlimen yang keempat adalah Bukit Katil, mempunyai sebanyak 28 buah masjid yang terletak di empat Dewan Undangan Negeri (DUN). Pertama DUN Bachang 5 buah masjid (17.9%), kedua DUN Ayer Keroh sebanyak 8 buah masjid (28.6%), ketiga DUN Bukit Baru sebanyak 4 buah masjid (14.3%) dan keempat DUN Ayer Molek sebanyak 11 buah masjid (39.3%).

Jadual 5 Masjid di Parlimen Bukit Katil, Negeri Melaka

Dun	Bilangan	Peratusan
DUN Bachang	5	17.9%
DUN Ayer Keroh	8	28.6%
DUN Bukit Baru	4	14.3%
DUN Ayer Molek	11	39.3%
Jumlah	39	100%

Masjid di Daerah Kota Melaka, Negeri Melaka

Parlimen yang kelima adalah Kota Melaka, mempunyai sebanyak 22 buah masjid yang terletak di lima Dewan Undangan Negeri (DUN). Pertama DUN Kesidang 5 buah masjid (22.7%), kedua DUN Kota Laksamana sebanyak 2 buah masjid (9.1%), ketiga DUN Duyong sebanyak 4 buah masjid (18.2%), keempat DUN Banda Hilir sebanyak 3 buah masjid (13.6%) dan DUN yang kelima adalah Telok Mas sebanyak 8 buah masjid (36.4%).

Jadual 6 Masjid di Parlimen Kota Melaka, Negeri Melaka

Dun	Bilangan	Peratusan
DUN Kesidang	5	22.7%
DUN Kota Laksamana	2	9.1%
DUN Duyong	4	18.2%
DUN Telok Mas	3	13.69%
Jumlah	22	100%

Masjid di Daerah Kota Melaka, Negeri Melaka

Parlimen yang keenam iaitu yang terakhir adalah Jasin, mempunyai sebanyak 41 buah masjid yang terletak di lima Dewan Undangan Negeri (DUN). Pertama DUN Bemban 9 buah masjid (22.5%), kedua DUN Rim sebanyak 8 buah masjid (20%), ketiga DUN Serkam sebanyak 8 buah masjid (20%), keempat DUN Merlimau sebanyak 7 buah masjid (15%) dan DUN yang kelima adalah Sungai Rambai sebanyak 9 buah masjid (22.5%).

Jadual 7 Masjid di Parlimen Kota Melaka, Negeri Melaka

Dun	Bilangan	Peratusan
DUN Bemban	9	22.5%
DUN Rim	8	20%
DUN Serkam	8	20%
DUN Merlimau	7	15%
DUN Sungai Rambai	9	22.5%
Jumlah	41	100%

Kategori Masjid di Negeri Melaka

Daripada jumlah ini masjid-masjid di seluruh negeri Melaka dibahagikan kepada empat jenis masjid iaitu masjid kerajaan sebanyak 7 buah (3.6%), masjid institusi sebanyak 4 buah (2.1%), masjid warisan sebanyak 56 buah (28.9%) dan masjid kariah sebanyak 127 buah (65.5%).

Jadual 8 Kategori Masjid di Negeri Melaka

Kategori Masjid	Bilangan	Peratusan
Masjid Kerajaan	7	3.6%
Masjid Institusi	4	2.1%
Masjid Warisan	56	28.9%
Masjid Kariah	127	65.5%
Jumlah	41	100%

Pembahagian Aktiviti Keagamaan Masjid-masjid di Seluruh Daerah negeri Melaka

Berikut adalah aktiviti keagamaan berjadual di institusi masjid dalam negeri Melaka mengikut daerah iaitu daerah Alor Gajah, daerah Melaka Tengah dan daerah Jasin. Pengkaji telah memperolehi data mentah berkaitan jumlah dan lokasi di seluruh negeri Melaka melalui Penyelaras Hal Ehwal Islam, Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah Alor Gajah Melaka.

Berpandukan data yang diberi, pengkaji telah menjalankan tinjauan dan kaji selidik mengenai aktiviti keagamaan di masjid-masjid seluruh negeri Melaka dengan kerjasama daripada rakan-rakan takmir, imam, AJK masjid, ahli kariah dan lain-lain serta. Pengkaji juga telah menjelajah ke masjid- masjid setiap daerah untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan terperinci mengenai aktiviti keagamaan di masjid tersebut. Berikut adalah data aktiviti keagamaan yang telah pengkaji perolehi:

Jadual 8 Aktiviti Keagamaan Berjadual di Institusi Masjid di seluruh daerah negeri Melaka

Bilangan Masjid	Kuliah Subuh	Kuliah Dhuha	Kuliah Zuhur	Kuliah Maghrib	Kuliah Takmir	Kuliah Pengajian Hadith	Ceramah Bulanan	Ceramah Hari Kebesaran Islam
Alor Gajah 77 buah masjid	48 (62%)	1 (1.3%)	-	67 (87%)	57 (74%)	21 (27.27%)	9 (11.68%)	74 (96.10%)
Melaka Tengah 76 buah masjid	62 (81.58%)	1 (1.31%)	-	73 (96.05%)	52 (68.42%)	29 (38.15%)	10 (13.15%)	74 (97.37%)
Jasin 41 buah masjid	36 (87%)	1 (2.43%)	-	41 (100%)	34 (82.92%)	11 (26.83%)	3 (7.32%)	38 (92.68%)
Jumlah Aktiviti	146	3	-	181	143	61	22	186

Daerah Alor Gajah

Daerah Alor Gajah mempunyai 77 buah masjid iaitu sebuah masjid kerajaan, 3 buah masjid institusi, 56 masjid kariah dan 17 masjid warisan. Masjid-masjid dalam daerah ini banyak menganjurkan aktiviti pengajian agama seperti kuliah, pengajian takmir dan ceramah. Antara aktiviti pengajian agama berjadual di institusi masjid di daerah Alor Gajah, Melaka ialah kuliah Subuh, kuliah Dhuha, kuliah Maghrib, kuliah takmir, kuliah pengajian hadith, ceramah bulanan dan ceramah hari kebesaran Islam. Masjid daerah ini tidak menganjurkan aktiviti kuliah Zuhur.

Sebanyak 48 buah masjid (62%) aktiviti kuliah Subuh dalam daerah Alor Gajah dijalankan dan hanya sebuah masjid (1.3%) sahaja yang mengadakan kuliah Duha iaitu masjid UITM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Manakala 67 buah masjid (87%) menjalankan aktiviti kuliah Maghrib, 57 buah masjid (74%) menjalankan aktiviti kuliah takmir 21 buah masjid (27.27%) menjalankan aktiviti kuliah pengajian hadith, 9 buah masjid (11.68%) menjalankan aktiviti ceramah bulanan dan 74 buah masjid (96.10%) menjalankan aktiviti ceramah hari kebesaran Islam.

Kesimpulan yang dapat pengkaji nyatakan di sini ialah aktiviti kuliah pengajian hadith dalam daerah Alor Gajah adalah yang terendah berbanding kuliah-kuliah yang lain iaitu hanya 21 (27.27%) daripada 77 buah masjid sahaja yang menjalankannya .

Daerah Melaka Tengah

Daerah yang kedua ialah Melaka Tengah mempunyai 76 buah masjid iaitu 5 buah masjid kerajaan, sebuah masjid institusi, 47 masjid kariah dan 23 masjid warisan. Masjid-masjid dalam daerah ini juga banyak menganjurkan aktiviti pengajian agama seperti kuliah, pengajian takmir dan ceramah. Antara aktiviti pengajian agama berjadual di institusi masjid di daerah Melaka Tengah, Melaka ialah kuliah Subuh, kuliah Duha, kuliah Maghrib, kuliah takmir, kuliah pengajian hadith, ceramah bulanan dan ceramah hari kebesaran Islam. Masjid daerah ini tidak menganjurkan aktiviti kuliah zuhur.

Sebanyak 62 buah masjid (81.58%) aktiviti kuliah Subuh dalam daerah Melaka Tengah dijalankan dan hanya sebuah masjid (1.31%) sahaja yang mengadakan kuliah Dhuha iaitu masjid Tengker. Masjid ini telah dibina pada tahun 1728 dan merupakan masjid bersejarah pertama kerana dibina pada zaman pemerintahan Belanda. Masjid ini juga merupakan masjid kedua tertua di Melaka selepas Masjid Peringgit. Manakala 73 buah masjid (96.05%) menjalankan aktiviti kuliah Maghrib, 52 buah masjid (68.42%) menjalankan aktiviti kuliah takmir 29 buah masjid (38.15%) menjalankan aktiviti kuliah pengajian hadith 10 buah masjid (13.15%) menjalankan aktiviti ceramah bulanan dan 74 buah masjid (97.37%) menjalankan aktiviti ceramah hari kebesaran Islam.

Kesimpulan yang dapat pengkaji nyatakan di sini ialah aktiviti kuliah pengajian hadith dalam daerah Melaka Tengah juga adalah yang terendah berbanding kuliah-kuliah yang lain iaitu hanya 29 (38.15%) daripada 76 buah masjid sahaja yang menjalankannya.

Daerah Jasin

Manakala daerah yang ketiga pula iaitu Jasin mempunyai 41 buah masjid iaitu sebuah masjid kerajaan 27 masjid kariah dan 13 masjid warisan. Daerah Jasin tidak mempunyai masjid institusi. Masjid-masjid dalam daerah ini banyak menganjurkan aktiviti pengajian agama seperti kuliah, pengajian takmir dan ceramah. Antara aktiviti pengajian agama berjadual di institusi masjid di daerah Alor Gajah, Melaka ialah kuliah Subuh, kuliah Duha, kuliah Maghrib, kuliah takmir, kuliah pengajian hadith, ceramah bulanan dan ceramah hari kebesaran Islam. Masjid daerah ini juga tidak menganjurkan aktiviti kuliah zuhur.

Sebanyak 36 buah masjid (87%) aktiviti kuliah Subuh dalam daerah Jasin dijalankan dan hanya sebuah masjid (2.43%) sahaja yang mengadakan kuliah Dhuha iaitu masjid UITM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Manakala 41 buah masjid (100%) menjalankan aktiviti kuliah Maghrib, 34 buah masjid (82.92%) menjalankan aktiviti kuliah takmir 11 buah masjid (26.83%) menjalankan aktiviti kuliah pengajian hadith, 3 buah masjid (7.32%) menjalankan aktiviti ceramah bulanan dan 38 buah masjid (92.68%) menjalankan aktiviti ceramah hari kebesaran Islam.

Kesimpulan yang dapat pengkaji nyatakan di sini ialah aktiviti kuliah pengajian hadith dalam daerah Jasin adalah yang terendah berbanding kuliah-kuliah yang lain iaitu hanya 11 (26.83%) daripada 41 buah masjid sahaja yang menjalankannya.

Kesimpulan

Usaha yang berterusan akan khususnya Jabatan Agama Islam Melaka dalam memperkasakan aktiviti keagamaan di masjid-masjid di seluruh negeri Melaka akan lebih memantapkan perjalanan aktiviti dakwah secara tidak langsung telah menyumbang ke arah pembentukan generasi Islam yang mempunyai jati diri dan ketahanan dalam menghadapi cabaran. Seterusnya ia mampu menghindarkan diri setiap ahli masyarakat daripada terjebak dengan amalan-amalan yang tidak selari dengan Al-Quran dan As-Sunnah yang mana ia boleh merosakkan kefahaman agama masyarakat Islam di Melaka. Adalah diharapkan aktiviti keagamaan di institusi masjid di seluruh negeri Melaka akan terus mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat setempat. Kerjasama dari semua pihak diharap dapat membuahkan hasil yang lebih berkesan terutamanya dalam menghadapi cabaran di era globalisasi ini.

Rujukan

- Haykal, Muhammad Husain. 1976. *The Life of Muhammad*. Ismail Ragi A. al-Faruqi (Terj.). USA: American trust Publication.
- Shalaby. 1981. *Tarikh al-Islami wa al-Hadharah al-Islamiyah*, cetakan ke-9. Qahirah: Maktabah al-Nahdhah al-Masriyah.
- Kinnany. 1980. "Producing teachers for Islamic Education" di dalam *Curriculum and Teacher Education*. Jeddah: King Abdul Aziz University.
- Zawawi Ahmad. 1984. Struktur Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*. (1).
- Mahayudin Yahaya & Ahmad Jelani Halimi. 1993. *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Hall, D.G.E. 1968. *A History of South-East Asia*. New York: St. Martin's Press.
- Muhammad Hazmi (2018, Februari 28). Pegawai Penyelaras Pentadbiran, Pejabat Agama Daerah Alor Gajah, Personal Interview. Melaka.
- Shafie Abu Bakar 1984. Ke arah pembaikan dan pengembangan sistem pendidikan Pondok di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam* 2(1): 1-15.